

30 SEP 2001

RAKYAT HENDAKLAH HARGAI PENGUATKUASAAN ISA, KATA DR LING

SEREMBAN, 30 Sept (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berharap rakyat terutama generasi muda lebih menghargai tindakan kerajaan menguatkuasakan Akta Keselamatan Dalam Negeri selepas serangan di Amerika Syarikat 11 Sept lepas.

ISA diperlukan untuk menangani bahaya ancaman seperti pengganas itu, katanya.

"Jika kita tidak mempunyai undang-undang seperti ini, bagaimana kita ingin memerangi pengganas?," tanya beliau.

Dr Ling yang juga Menteri Pengangkutan berkata tindakan tegas kerajaan melalui ISA ialah bagi melindungi keselamatan negara ini dan rakyat.

Beliau berkata demikian kepada pemberita hari ini ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa keputusan kerajaan menggunakan ISA terhadap pelampau, terbukti betul apabila negara-negara lain mula mengambil tindakan yang sama, ekoran serangan pengganas di Amerika.

Menurut Dr Mahathir, kerajaan telah menggunakan pelbagai cara selama 42 tahun untuk melawan gerila komunis dan kumpulan pengganas lain termasuk menggunakan ISA.

Terdahulu Dr Ling merasmikan mesyuarat agung tahunan Gerakan Belia Bersatu Malaysia (GBBM) di sini.

-- BERNAMA

RP RON